



UPM Terima Geran RM99,440 dari SKMM



Datuk Dr. Halim Shafie menyampaikan cek kepada Prof. Dr. Abu Bakar Salleh sambil diperhatikan oleh Prof. Dr. Md. Salleh Hassan dan Amarjit Singh Karthar Singh.

CYBERJAYA, 26 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima geran penyelidikan RM 99,440 daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi kerjasama penyelidikan kandungan media baru (new media) di sini, hari ini.

Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial UPM, Prof. Dr. Md. Salleh Hassan berkata projek penyelidikan yang diketuaianya bertajuk Self Regulatory Frame Work and Mechanism in the Malaysian Media Environment mengkaji isu dan kesan internet kepada masyarakat.

"Ia juga mengkaji keberkesanannya sistem tersebut kepada amalan media pada masa kini," katanya selaku ketua projek dengan dibantu oleh dua penyelidik iaitu Syed Agil Alsagoff dan Dr. Zulhamri Abdullah dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM.

Beliau berkata penyelidikan mereka bertujuan untuk tempoh setahun menumpukan mekanisme penapisan kendiri media penyiaran, komunikasi dan internet di Malaysia.

"Dengan adanya mekanisma tersebut pihak industri akan lebih berdaya saing dengan suasana pembangunan yang seimbang dan lebih bertanggungjawab kepada masyarakat.



Prof. Dr. Md. Salleh Hassan membentangkan kertas kerja beliau di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Dr. Md. Salleh Hassan berkata status UPM sebagai ahli Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia memberi kelebihan kepada penyelidik untuk memahami dan membuat penyelidikan dengan lebih baik.

Pada majlis Anugerah Geran Penyelidikan SKMM tersebut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM Prof. Dr. Abu Bakar Salleh menerima cek daripada Pengerusi SKMM, Datuk Dr. Halim Shafie.

Dr. Halim berkata penawaran geran penyelidikan itu kali pertama dibuat oleh SKMM di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi Malaysia.

Katanya pihaknya akan mewujudkan lebih banyak persefahaman dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada masa akan datang bagi menghadapi cabaran berkaitan internet.

"Dengan penyelidikan yang dibuat oleh universiti tempatan, diharapkan dapat membantu SKMM menguatkauasakan peraturan sedia ada dan seterusnya membantu pihak industri mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata sebanyak 12 kertas kerja daripada institusi pengajian tinggi telah diterima oleh SKMM tetapi hanya empat kertas kerja sahaja diluluskan.

Selain UPM, tiga institusi pengajian tinggi lain ialah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Tun Abdul Rahman (UTAR).

Penggunaan internet di Malaysia pada masa kini mencapai 22 peratus dengan sasaran penggunaan ke tahap 50 peratus menjelang tahun 2010.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM